

HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM

ETHNIC RELATIONS IN MALAYSIA FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

Nazri Muslim^{1*}, Nik Yusri Musa² dan Ahmad Hidayat Buang³

¹Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

²Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan

³Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

*Corresponding author: nazrim@ukm.my

Islam adalah satu agama yang lengkap merangkumi segenap aktiviti kehidupan manusia. Ajaran Islam bukan hanya menganjurkan umatnya berbuat baik sesama Islam tetapi juga antara bukan Islam. Orang bukan Islam mempunyai hak yang tertentu dan dilindungi selagi tidak memerangi Islam. Dalam hubungan antara orang Islam dan orang bukan Islam, Islam telah menetapkan peraturan tertentu yang mesti dipatuhi. Hal ini jelas sepertimana dalam Surah al-Hujurat ayat 13 yang mengiktiraf kepelbagaian etnik itu adalah sesuatu yang lumrah dan kepelbagaian itu bukan untuk berkonflik tetapi saling mengenali antara satu dengan lain. Justeru, artikel ini akan membincangkan pandangan Islam terhadap hubungan etnik yang ditinjau dari sudut al-Quran, hadis nabi dan tokoh-tokoh Islam. Turut dibincangkan ialah prinsip kesamarataan dan keadilan dalam Islam dengan melihat situasi yang berlaku di Malaysia khususnya yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Hasil perbincangan menunjukkan, kedudukan istimewa orang Melayu itu tidak bercanggah dengan prinsip keadilan dan kesamarataan dalam Islam berdasarkan empat hujah iaitu pertama, walaupun orang Melayu mendapat keistimewaan seperti yang termaktub dalam perlembagaan, namun ia bukan melalui rampasan harta orang bukan Melayu sebaliknya mendapatkannya dari tambahan kepada ekonomi keseluruhan. Kedua, pelaksanaan terhadap keistimewaan orang Melayu tidak menjejaskan kedudukan ekonomi, dan pendidikan serta politik orang bukan Melayu, malah dalam sektor ekonomi dan pendidikan, mereka lebih baik daripada orang Melayu. Ketiga, kedudukan istimewa orang Melayu adalah sesuatu yang telah wujud sebelum merdeka dan dimasukkan kembali apabila perlembagaan digubal. Keempat, ia adalah persetujuan yang telah dicapai melalui perundingan antara etnik.

Nazri Muslim et al.

Kata kunci: kesamarataan, keadilan, Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan, hubungan etnik, orang Melayu, orang bukan Melayu, Islam

Islam is a complete way of life (din) and encompasses all activities in life. Islam preaches to its followers to enjoin good not only towards fellow Muslims but also between Muslims and non-Muslims. Non-Muslims have certain rights and are protected for as long as they are not against Islam. In regard to relations among Muslims and non-Muslims, Islam outlines specific regulations such as the ones found in Chapter al-Hujurat verse 13 that recognises ethnic diversity as a norm and that diversity is meant for people to know one another better, and not to cause conflict. Therefore, this article discusses the Islamic viewpoint on ethnicity from the perspectives of the al-Quran, prophetic traditions and Muslim scholars. Also discussed is the principle of justice and equality in Islam in relation to Malaysia particularly related to the special position of Malays in Article 153 of the Federal Constitution. The findings show that the special position of Malays does not contradict the principle of justice and equality in Islam based on four arguments: First, the Malays receive their special position as enshrined in the Federal Constitution without incurring any acts of confiscating the wealth of the non-Muslims, but instead gained from the growing economy as a whole. Second, the special position of Malays is not employed at the expense of the economic and political wellbeing of the non-Malays. Third, the special position of Malays was established long before independence and was later reinstated when the Federal Constitution was formulated. Fourth, the Malays' special position was attained through a consensus achieved by the various ethnic groups in the country.

Keywords: equality, justice, Article 153, Federal Constitution, ethnic relations, Malays, non-Malays, Islam

PENGENALAN

Artikel ini akan membincangkan pandangan Islam terhadap hubungan etnik berdasarkan al-Quran, hadis nabi, pendapat tokoh-tokoh Islam, konsep persamaan dan keadilan dalam Islam dengan melihat situasi hubungan etnik di Malaysia.

PANDANGAN ISLAM TERHADAP HUBUNGAN ETNIK

Perbincangan mengenai pandangan Islam terhadap hubungan etnik boleh dikategorikan kepada tiga iaitu dalil yang dikemukakan dalam al-Quran, hadis nabi dan pandangan tokoh-tokoh Islam.

Hubungan Etnik Menurut al-Quran

Islam mengiktiraf kemuliaan setiap manusia tanpa mengira etnik. Oleh itu, tidak boleh berlaku perbezaan atau penafian hak berdasarkan etnik (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2005: 37). Hal ini menjelaskan manusia secara fitrah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecah-belah dan bermusuhan. Seharusnya kita perlu kenal-mengenal dan membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai. Ia selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Surah al-Hujurat 49: 13

Menurut Fathi (1997: 121), ayat ini secara khusus meletakkan asas kemajmukan dan menyatakan bahawa kepelbagaian manusia ini adalah bagi merangsang serta menggalakkan berlakunya interaksi, kerjasama serta saling melengkapi dan bukannya pengasingan atau konflik. Manusia secara keseluruhannya tanpa mengira batas tempat dan masa adalah sama di sisi Islam dalam konteks kemanusiaan dan harga diri lantaran di pandang satu di sisi Allah meskipun berbeza sifat fizikal dan budaya. Begitu juga perbezaan agama di kalangan manusia adalah berlaku dengan kehendak Allah yang memberi kebebasan kepada makhluknya untuk membuat pilihan sama ada untuk beriman atau tidak. Ia menepati firman Allah yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Surah an-Nisaa' 4: 1

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.

Surah ar-Rum 30: 22

Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?

Surah Yunus 10: 99

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya. Kerana Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang.

Surah al-Kahfi 18: 29

Islam juga menekankan tentang memberi keadilan kepada semua mengikut undang-undang tanpa mengira etnik yang dijelaskan oleh Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Surah an-Nisaa' 4: 58

Seterusnya, Allah menegaskan bahawa perbezaan etnik itu tidak boleh menjadi alasan untuk menafikan hak atau membezakan antara pelbagai etnik sepertimana dalam Surah al-Maaidah yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Surah al-Maaidah 5: 8

Al-Quran juga memberi kelonggaran kepada orang Islam untuk menjalinkan hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. Hal ini dijelaskan dalam Surah al-Mumtahanah yang bermaksud:

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

Surah al-Mumtahanah 60: 8

Islam menekankan kepada kebebasan beragama dan pada masa yang sama al-Quran memberi penjelasan dan keterangan kepada manusia bahawa agama di sisi Allah ialah Islam. Hal ini menjelaskan bahawa Islam tidak memaksa penganut agama lain menganut agama Islam seperti dalam Surah al-Baqarah yang bermaksud:

Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Baqarah 2: 256

Islam juga menganjurkan agar menghormati peribadi orang lain dan melarang mencemuh, mengutuk atau memanggil dengan panggilan yang tidak disukai terhadap orang lain. Justeru, setiap orang perlu memelihara dan menghormati kehormatan peribadi

dan kehormatan antara warga masyarakat tanpa mengira agama. Hal ini dijelaskan dalam Surah al-Hujurat yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.

Surah al-Hujurat 49: 11

Hubungan Etnik Menurut Hadis

Islam dengan jelas melarang kepada pembelaan etnik sendiri dalam erti kata membantu dan membela etnik sendiri yang melakukan kesalahan. Larangan ini dijelaskan oleh nabi dalam hadisnya yang bermaksud:

Bukan dari kalangan kami orang yang menyeru ke jalan asabiah dan bukan di kalangan kami orang yang berjuang di atas jalan asabiah dan bukan di kalangan kami orang yang mati di atas dasar asabiah. Mendengar ungkapan tersebut, para sahabat bertanya: Apakah yang dimaksudkan dengan asabiah wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Kamu membantu saudaramu di atas landasan kezaliman (Muhammad Syams, 1990: 17–20).

Begitu juga dengan asabiah yang sering disalahtafsirkan apabila sesuatu kaum berpakat dan bekerjasama di atas landasan bangsanya dianggap asabiah. Asabiah pada dasarnya difahami sebagai semangat perkauman sempit dan hidup subur di zaman jahiliah kerana rasa cinta yang sangat mendalam terhadap suku kaum sendiri. Ia berlaku tanpa batas di mana mereka sanggup berbunuhan dan berperang asalkan puak mereka menang. Di sini kemenangan yang penting, bukannya kebenaran. Mereka membela kaum sendiri walaupun perbuatan tersebut membawa ketidakadilan dan kezaliman (Khairul Azmi, 2003: 18). Asabiah hanya akan menjadi masalah dan menimbulkan masalah sekiranya dijadikan suatu keyakinan pengganti kepada Islam dan disertai dengan kefahaman karut yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam (Yusuf, 1996: 24). Berpandukan hadis ini,

hujah yang mengatakan perjuangan memajukan bangsa sendiri sebagai asabiah tidak dapat diterima. Dalam konteks di Malaysia, usaha yang dilakukan demi membawa kemajuan kepada orang Melayu tidak boleh dianggap asabiah. Hal ini kerana ia berlaku dalam semangat setia kawan yang tiada unsur kezaliman di mana usaha membantu orang Melayu dilaksanakan tanpa mengambil hak orang bukan Melayu dan disebabkan orang Melayu jauh ketinggalan dari kaum lain. Sesuatu perkara itu dianggap asabiah sekiranya kita membela dan membantu orang Melayu dalam melakukan kesalahan seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW juga menegaskan perkara ini dalam khutbah terakhir (Haji Wida) iaitu:

Wahai manusia! Ingatlah bahawa Tuhan kamu adalah satu dan bapa kamu adalah satu, ingatlah tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang Ajam dan tidak ada kelebihan orang Ajam ke atas orang Arab dan tidak ada kelebihan orang berkulit hitam ke atas orang berkulit merah kecuali orang yang bertaqwa (Ahmad, t.t.: 411).

Nabi juga mengingatkan umatnya seperti yang bermaksud:

Sesiapa yang menzalimi *Dhimmi* (golongan bukan Islam yang tunduk dan patuh kepada pemerintahan Islam) atau yang membuat perjanjian damai atau membebaskan mereka dengan yang tidak mereka berupaya, maka akulah yang akan berhadapan dengannya (Muhammad Syams, 1990: 255).

Hubungan Etnik Menurut Tokoh-tokoh Islam

Perbincangan berikut mengenai hubungan etnik menurut tokoh-tokoh Islam dengan mengambil kira pandangan sarjana Islam dari negara Arab yang banyak membuat kajian tentang perundangan Islam yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam. Pandangan sarjana Islam yang tinggal di negara Barat juga diambil kira kerana mereka terdedah dengan suasana di mana umat Islam minoriti berbanding di negara Arab. Disebabkan artikel ini membincangkan hubungan etnik di Malaysia, maka pandangan sarjana Islam di Malaysia turut diambil kira kerana mereka lebih mengetahui situasi yang berlaku di Malaysia.

Menurut Muhammad (1987: 273) yang merupakan seorang pakar perundangan Islam telah menggambarkan perhubungan masyarakat yang disusun oleh Islam antara orang Islam dan bukan Islam ditegakkan di atas dasar kebaikan, kemuliaan, keadilan, lemah-lembut, permesyuaratan, kepentingan bersama dan tolong-menolong serta mencegah dari keburukan yang boleh menghancurkan masyarakat. Sifat-sifat ini dapat menjalinkan perpaduan di kalangan pelbagai etnik tanpa mengira warna kulit dan tiadanya perbezaan

kedudukan dalam masyarakat. Penghormatan terhadap manusia ialah dengan menghormati jiwa manusia itu sendiri tanpa melihat agama dan etnik. Justeru, beliau merumuskan perhubungan masyarakat dalam Islam terbina atas tiga dasar iaitu membolehkan setiap manusia untuk berusaha dengan tenaga yang ada padanya dan membahagikan pekerjaan mengikut kemampuan, memberikan kebebasan kepada setiap orang dengan tidak menceroob hak orang lain dan membantu pihak yang lemah tanpa mengira warna kulit.

Menurut Yusuf (1989: 4), Islam sentiasa menjalinkan perhubungan antara orang Islam dengan bukan Islam atas asas-asas yang kemas dan padu merangkumi sifat toleransi, keadilan, amal kebajikan dan belas kasihan yang belum pernah ditemui oleh sejarah kemanusiaan sebelum Islam. Maka, penganut Islam dituntut berbuat amal kebajikan dan melaksanakan keadilan kepada seluruh manusia biarpun orang itu terdiri daripada orang bukan Islam selama mereka tidak menentang Islam. Namun, yang menjadi kepada konflik antara manusia yang berlainan agama dan etnik apabila manusia itu dikalahkan oleh hawa nafsu, perasaan fanatik, fikiran yang sempit dan mementingkan diri sendiri.

Perbincangan yang sama juga telah dibuat oleh tokoh-tokoh gerakan Islam iaitu Said Hawwa (2003: 414) yang menjelaskan perbezaan bangsa, warna kulit, negara, keluarga dan nenek moyang bukan untuk membeza dan mengasingkan antara satu sama lain. Sebenarnya kelainan itu wujud untuk manusia saling mengenali dan mengasihi. Beliau menegaskan manusia itu sendiri semuanya sama dalam konteks kemanusiaan bukan mengikut ras, warna kulit, negeri, keluarga dan sebagainya. Tiada seorang rakyat yang lebih istimewa daripada seorang rakyat yang lain dan tiada suatu bangsa istimewa daripada suatu bangsa yang lain. Manakala Hasan (1403H: 101) yang merupakan seorang tokoh gerakan Islam telah menerangkan pembahagian manusia mengikut bangsa adalah untuk saling mengenali antara satu sama lain dan bukannya untuk berselisihan. Maka, Islam menolak sepenuhnya sifat fanatik kepada sesuatu bangsa dan berpecah-belah. Sebaliknya interaksi antara Muslim dan bukan Muslim pula berpaksi kepada kemaslahatan masyarakat dan kebaikan kemanusiaan.

Osman (2008: 87) pula menjelaskan hubungan etnik di Malaysia adalah berdasarkan pengenalan agama dengan menyamakan Melayu itu Islam dan menyamakan kepentingan etnik dengan kepentingan agama. Namun pada masa akan datang akan berlaku perubahan trend identiti masyarakat Islam Malaysia yang khusus kepada etnik Melayu kepada pelbagai etnik. Bagi Tariq (2004: 78–79) yang merujuk kepada perhubungan etnik di Eropah, ia lebih menjurus kepada pengenalan identiti agama daripada identiti etnik disebabkan mereka adalah minoriti dalam negara yang majoriti rakyatnya bukan Islam. Namun pada awal imigran orang Islam ke Eropah, mereka masih kabur sama ada untuk memanggil diri mereka sebagai Muslim atau Pakistan, Turki atau Arab Muslim. Pengenalan identiti Islam ini turut dipersetujui oleh Muhammad (1996: 60–62) dengan

membahagikan masyarakat Islam di Barat kepada tiga kelompok. Kelompok pertama yang komited dengan ajaran dan identiti Islam. Kelompok kedua yang berminat dengan gaya hidup Barat tetapi tidak measimilasikan sepenuhnya diri mereka dan ketiga mereka yang sepenuhnya measimilasikan gaya hidup Barat dari segi idea dan budaya. Kelompok pertama dan ketiga adalah sedikit dan kelompok kedua adalah majoriti di Barat.

Menurut Ismail Ibrahim yang merupakan bekas Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, beliau menjelaskan perhubungan etnik mestilah berpaksi kepada teori ajaran Islam yang komprehensif dan menyeluruh di mana al-Quran menjelaskan hikmah kejadian manusia yang pelbagai etnik. Hal ini agar manusia dapat hidup bersama, berkomunikasi dan tolong-menolong untuk hidup secara aman, membina ilmu dan kekuatan ekonomi serta teknologi dalam segala aspek kehidupan. Kebebasan beragama dalam Islam berdasarkan keyakinan untuk memilih agamanya dan nabi menjelaskan kategori *Dhimmi* tidak boleh disakiti dan diperangi. Sesiapa yang memerangi mereka, ia seolah-olah memerangi nabi. Kefahaman asabiah perlu difahami iaitu membantu kaum untuk melakukan kezaliman. Konsep perkongsian kuasa, kebebasan beragama, perlindungan undang-undang terhadap kaum yang lemah merupakan dasar yang diresmi Islam. Konflik yang berlaku seperti peristiwa 13 Mei 1969 dan Kampung Medan bukan kerana agama tetapi lebih berbentuk perkauman (Ismail, 2005).

Perbincangan daripada pandangan al-Quran, hadis dan tokoh-tokoh Islam di atas menunjukkan Islam menerangkan bahawa perbezaan antara etnik itu adalah sesuatu yang lumrah dalam hidup. Perbincangan di kalangan tokoh-tokoh Islam tentang perhubungan etnik tertumpu kepada Surah al-Hujurat ayat 13 yang jelas mengiktiraf perbezaan etnik di dunia ini. Perbezaan etnik ini bukan bertujuan untuk menimbulkan konflik tetapi menganjurkan agar manusia saling mengenali antara satu sama lain. Hal ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menepati fitrah manusia kerana keharmonian dan keamanan dalam kehidupan seharian manusia adalah kehendak naluri manusia. Manakala konflik yang membawa kepada perkelahian, pembunuhan dan suasana yang tidak tenteram bercanggah dengan naluri manusia.

Jika dirujuk kembali sejarah perhubungan etnik yang berlaku pada zaman Islam iaitu pada zaman Rasulullah, Khalifah ar-Rasyiddin, pemerintahan Bani Umayyah, pemerintahan Bani Abbasiyah dan sehinggalah sekarang, orang bukan Islam diberikan hak-hak yang tertentu. Sebagai contoh, semasa musim kemarau, Rasulullah pernah menghantar sejumlah bantuan kewangan kepada penduduk Mekah untuk diberikan kepada fakir miskin di sana walaupun sikap mereka yang menentang Rasulullah. Begitu juga yang berlaku pada zaman Abbasiyah di mana ramai para pembesar negeri terdiri daripada golongan ahli Zimmah seperti Gabriel Bakhtisyu yang menjadi doktor peribadi kepada Khalifah Harun ar-Rasyid.

Dalam hal ini, Yusuf (1989: 70) menjelaskan terdapat beberapa prinsip asas yang mendasari bentuk hubungan umat Islam dengan bukan Islam. Prinsip-prinsip tersebut ialah:

1. Kepercayaan tentang kemuliaan manusia sebagai manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Kemuliaan inilah sebenarnya yang menjamin hak untuk setiap manusia dihormati.
2. Kepercayaan bahawa perbezaan agama di kalangan manusia berlaku dengan kehendak Allah yang telah memberi kebebasan dan pilihan kepada makhluk-Nya dalam setiap apa yang hendak dilakukan atau ditinggalkan.
3. Kepercayaan bahawa umat Islam tidak ditugaskan untuk mempersoalkan kekufuran golongan kafir di dunia ini tetapi Allah sendiri yang akan mempersoalkan setiap golongan tersebut di akhirat.
4. Kepercayaan bahawa Allah memerintahkan supaya umat Islam sentiasa berlaku adil dan berakhlak mulia walaupun terhadap orang bukan Islam. Di samping itu, umat Islam juga perlu menyedari bahawa Allah membenci kezaliman walaupun dilakukan oleh umat Islam sendiri terhadap orang bukan Islam.

Namun dalam hal ini adalah menjadi tanggungjawab orang bukan Islam memelihara perasaan orang Islam yang menjadi rakan senegara mereka. Begitu juga dengan kedaulatan negara Islam yang memberikan pengawalan dan perlindungan kepada diri dan harta benda mereka. Maka, mereka ditegah mencaci agama Islam, rasul dan kitab suci. Mereka juga dilarang menyebarkan apa sahaja aqidah atau idea yang bertentangan dengan aqidah negara dan agama (kedudukan sebegini adalah selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan kebebasan beragama). Sekiranya ia bukan daripada ajaran agama mereka dan penyebaran yang mereka lakukan hanya terbatas kepada masyarakat mereka sahaja, maka perbuatan itu diharuskan.

Mereka juga dilarang menonjolkan perbuatan meminum arak dan seumpamanya yang ditegah oleh agama Islam, begitu juga mereka ditegah menjualkannya kepada orang Islam kerana ia boleh merosakkan mereka. Apa sahaja yang dipandang mungkar oleh Islam, tetapi dibenarkan dalam agama mereka, jika mereka ingin melakukannya, maka hendaklah dilakukan secara tertutup dan dalam bentuk yang tidak mencabar perasaan orang Islam supaya seluruh anggota masyarakat akan hidup dalam suasana damai dan bersatu padu (Mat Saad, 2000: 194–195).

Dalam konteks Malaysia yang mempunyai pelbagai etnik, setiap rakyat perlu hormat-menghormati terhadap hak individu dan masyarakat. Fahaman seperti ekstremisme, chauvinisme, fanatisisme, etnosentrisme, prejudis, stereotaip dan rasisme hendaklah diketepikan (Wan Suhaimi dan Syed Mohammad Hilmi, 2007: 29–32). Hal ini dijelaskan dalam al-Quran seperti berikut:

Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu, Kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.

Surah al-Maaidah 5: 32

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman).

Surah al-Baqarah 2: 143

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar ugama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah al-Haram, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadat Haji di tanah suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjid al-Haram itu mendorong kamu mencero boh. Dan hendaklah kamu bertolong-

tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Surah al-Maaidah 5: 2

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Surah an-Nisaa' 4: 135

Dan hamba-hamba (Allah) ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini.

Surah al-Furqaan 25: 63

Setiap rakyat Malaysia perlu mengeratkan hubungan etnik dan sering berinteraksi antara satu sama lain kerana dituntut oleh Islam seperti yang dijelaskan dalam Surah al-Hujurat 49: 11 dan 13. Di samping itu, orang bukan Islam di Malaysia telah menikmati hak-hak mereka seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan hak tersebut juga selari dengan hak kepada bukan Islam yang diberikan oleh Islam. Antaranya, mereka bebas menganut dan mengamalkan agama dengan aman dan damai, bebas mendirikan rumah ibadat, bebas makan, minum dan berpakaian mengikut kebudayaan sendiri, bebas mencari rezeki, bebas memiliki dan mengurus harta, bebas memilih pemimpin sendiri, mendapat hak pendidikan dan kesihatan, terjamin dari segi keselamatan hidup, mendapat keadilan dari segi undang-undang dan sebagainya. Sebagai contoh, walaupun sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil terkeluar dari sistem pendidikan kebangsaan dari segi pengurusan, namun kerajaan tetap menyalurkan bantuan kepada sekolah tersebut.

Prinsip Persamaan Islam dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia

Islam merupakan satu sistem hidup yang bersifat rabbani dan menganjurkan kepada manusia agar sentiasa berlaku adil dalam setiap tindakan yang diambil. Islam menyeru agar meletakkan sesuatu pada tempat yang sewajarnya, memberikan hak kepada yang berhak menerimanya serta menghukum manusia yang bersalah dengan hukuman yang setimpal tanpa membezakan antara manusia, merupakan perkara-perkara yang sangat ditekankan dalam ajaran Islam. Sebagaimana Islam memberikan penekanan kepada kedamaian hidup individu baik daripada aspek fizikal dan mental seseorang, Islam juga melalui sistem hidupnya menggalakkan keharmonian masyarakat dan keamanan bersama, agar semua manusia dapat menjalani kehidupan di dunia ini dengan aman dan damai.

Konsep persamaan dalam Islam pula perlu diasaskan kepada kenyataan bahawa kejadian manusia yang berbagai etnik, bangsa dan keturunan merupakan suatu fitrah kehidupan yang perlu diterima oleh setiap insan. Malah kepelbagaian etnik, bangsa dan keturunan yang tentunya melahirkan kepelbagaian budaya, gaya hidup, corak pemikiran serta kepercayaan dan keyakinan menjadikan hidup ini begitu indah untuk dikongsi bersama.

Asas pemikiran Islam kepada hubungan etnik ialah persamaan sesama manusia. Semua manusia, biar dari mana asal mahupun keturunan adalah sama sahaja kejadiannya. Semua manusia adalah makhluk yang diciptakan Allah dengan sebaik-baik ciptaan berbanding dengan makhluk-makhluk lain. Semua manusia bebas untuk hidup dan meneruskan kehidupan. Hak untuk hidup serta meneruskan kehidupan merupakan hak asasi setiap manusia. Hak tersebut tidak sedikitpun terhalang kerana berbezanya pegangan agama, bangsa, keturunan mahupun minoriti dalam sesebuah negara.

Hak persamaan yang diletakkan oleh Islam tidak berdasarkan kepada kedudukan seseorang mengikut jantina atau keturunan dan bangsa. Setiap orang, lelaki atau perempuan, Islam atau bukan Islam, kaya atau miskin, adalah sama. Mereka mempunyai hak yang sama untuk hidup sebagai manusia yang bermaruah, mempunyai peluang yang sama untuk mencari rezeki dan kekayaan di bumi Allah, mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan pendidikan, mempunyai kedudukan yang sama di sisi undang-undang dan mempunyai peluang yang sama untuk melakukan ibadat kepada Allah. Setiap orang akan diberikan ganjaran dan balasan yang sama atas perbuatan yang dilakukan. Jelaslah Islam tidak mengiktiraf perbezaan fizikal dan lahiriah seperti pangkat, keturunan, etnik dan warna kulit sebagai halangan untuk mendapat perhatian dan perhitungan yang sama daripada Allah (Abdul Monir, 1986: 47).

Terdapat banyak dalil daripada al-Quran dan hadis tentang prinsip persamaan ini seperti berikut:

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.

Surah al-Isra' 17: 70

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah telah memuliakan anak cucu Adam seluruhnya dengan tidak mengira bangsa dan golongan dan Allah juga telah melebihkan mereka daripada makhluk yang lain (Ali, 1976: 3). Seterusnya dalam Surah al-Hujurat yang bermaksud:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Surah al-Hujurat 49: 13

Dalam ayat ini pula, Allah menerangkan tiada kelebihan di antara satu sama lain mengikut nilai kejadian mereka. Lebih atau kurangnya manusia di sisi Allah sebenarnya diasaskan kepada perbuatan mereka dan sejauh mana mereka menjaga syariat yang telah ditetapkan oleh Islam. Menurut Abdul Monir (1986: 48) hak persamaan dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu *huququllah* (hak Allah) dan *huququlibab* (hak manusia). Hak Allah merujuk kepada ikatan yang langsung yang boleh menghubungkan Allah dengan hambanya melalui ibadat khusus seperti solat, zakat, haji dan sebagainya. Hak manusia pula merujuk kepada kedudukan manusia di sisi Allah adalah sama dan Allah telah memuliakan kejadian manusia tanpa mengira agama.

Kebebasan untuk hidup dan meneruskan kehidupan yang diberikan Islam kepada mereka berasaskan kepada kenyataan bahawa mereka juga adalah manusia dan sebagai manusia, kehormatan mereka adalah terpelihara. Apa jua kesilapan, kesalahan serta jenayah yang dilakukan oleh mereka perlu diselesaikan sama ada dengan melaksanakan hukuman yang ditetapkan atau dihukum menurut kepercayaan atau keyakinan pegangan mereka (Mohammad Hashim, 2002: 78). Ia bergantung kepada situasi bagaimana keyakinan manusia kepada agama yang dianuti. Islam tidak sekali-kali membenarkan sebarang bentuk permusuhan berlaku hanya kerana berbezanya bangsa dan etnik, atau lantaran

berlainan keturunan dan warna kulit. Lebih-lebih lagi apabila kelompok majoriti menindas atau meminggirkan kelompok minoriti dalam arus pembangunan negara. Islam melihat permusuhan yang disebabkan oleh perbezaan warna kulit atau berlainan etnik mampu menghuru-harakan masyarakat serta menghancurkan keharmonian hidup di kalangan umat manusia.

Malah, demi keharmonian hidup dan kesejahteraan masyarakat manusia, Islam dari awal-awal lagi tidak mengizinkan sebarang bentuk seruan perkauman iaitu seruan menolong bangsa dan juga etnik sendiri yang menzalimi bangsa dan etnik lain. Hal ini dapat difahami daripada hadis Rasulullah SAW sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitabnya tentang perkauman. Mencintai, mengasihi serta menyayangi bangsa bukannya satu kesalahan, malah merupakan fitrah manusia. Namun, Islam tidak sekali-kali membenarkan cinta dan kasihkan bangsa sehingga berlaku kezaliman kepada bangsa atau etnik lain khususnya kumpulan minoriti. Bertolak dari kenyataan inilah, maka Islam menggariskan bahawa persamaan di kalangan bangsa dan etnik merupakan asas kepada keharmonian dan keamanan hidup bermasyarakat khususnya dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan mempunyai kumpulan minoriti yang perlu dipelihara dan dijaga haknya. Manakala hak kumpulan ini telah dijadikan salah satu daripada prinsip pendekatan Islam Hadhari yang menjadi kerangka dalam proses pembangunan di Malaysia.

Prinsip persamaan merangkumi persamaan dalam nilai kemanusiaan, persamaan dalam undang-undang, persamaan dalam hak-hak umum politik dan persamaan dalam urusan ekonomi. Hal ini menunjukkan Islam menetapkan supaya manusia diberi layanan yang sama dalam segala bentuk tanggungjawab, balasan dan hak undang-undang seperti mengurus dan memiliki tanpa membezakan di antara rakyat dan pemerintah, kaya dan miskin, keluarga dan bukan keluarga, lelaki dan perempuan dan seterusnya Islam dan bukan Islam. Prinsip ini memberi jaminan bahawa setiap orang adalah sama dan akan mendapat layanan yang sama rata tanpa melihat taraf dan kedudukan mereka (Mohd. Ridhuan Tee, 1994: 309). Menurut Mahmood Zuhdi (1999: 34) dan Alias (1992: 247), kedudukan orang bukan Islam tidak ada bezanya dari orang Islam atas dasar;

1. Kemanusiaan sejagat
2. Kebebasan beragama
3. Kedaulatan undang-undang
4. Keadilan Ilahi

Pendekatan Islam ini berbeza dengan apa yang diamalkan oleh orang India, Greek, Israel dan Arab Jahiliyah. Dalam agama Hindu, masyarakatnya dikategorikan mengikut kasta, orang Greek menganggap mereka sahajalah yang terpilih, orang Israel menganggap mereka juga bangsa pilihan Tuhan dan orang Arab Jahiliyah menganggap mereka sahaja

bangsa yang sempurna (Ali, 1976: 8). Dalam hal ini, Islam berada paling hadapan dalam memberi persamaan kepada manusia melalui catatan sejarah bermula dari zaman Nabi hinggalah ke zaman Khalifah Islam yang terakhir di Turki. Orang bukan Islam diberi keadilan dalam undang-undang, menjawat jawatan yang dilantik oleh pemerintah, kebebasan beragama, mendirikan rumah ibadat dan sebagainya (Ali, 1976; Mat Saad, 1995; Abdul Monir, 1986; Yusuf, 1989).

Di Malaysia, persamaan ini ditekankan di mana setiap orang tanpa mengira etnik dibenarkan bergerak bebas dalam aktiviti ekonomi, pendidikan, sosial, perundangan mahupun beragama. Hal ini jelas dalam pembangunan negara Malaysia, etnik Cina dan India diberikan peluang untuk menjalankan aktiviti ekonomi, mendapat peluang dalam bidang pendidikan dalam bahasa ibunda mereka sendiri dan bebas mengamalkan ajaran agama mereka. Menurut Mohd Kamal (1994: 20), walaupun kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar islamisasi seperti Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam, namun dasar ini tidak pernah menyisihkan kepentingan dan sensitiviti penganut bukan Islam di Malaysia.

Prinsip Keadilan Islam dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia

Selain daripada hak persamaan, Islam juga amat mengutamakan keadilan dalam setiap tindakan yang diambil. Melalui keadilan inilah, Islam menganjurkan kehidupan yang harmoni dan masyarakat yang saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Apabila keadilan dilaksanakan di kalangan anggota masyarakat, maka dengan sendirinya pintu-pintu permusuhan dan perasaan benci-membenci dapat dihilangkan sedikit demi sedikit. Keadilan yang dilaksanakan itu sendiri merupakan salah satu kaedah bagi menutup ruang-ruang kemusnahan (*Sadd al-Zara'ie*) yang mungkin berlaku di kalangan anggota masyarakat atau mengelakkan pencerobohan ke atas hak-hak yang telah ditetapkan (Abdul Monir, 2005: 527).

Keadilan menurut Islam merupakan suatu perintah rabbani iaitu satu perbuatan yang menunjukkan kepatuhan, ketaatan serta ketundukan kepada Allah, kebertanggung-jawaban individu yang melaksanakannya mencerminkan keyakinan yang mendalam kepada Pencipta (Abdul Latif, 2008: 477). Hal ini menjelaskan keadilan dalam Islam adalah keadilan yang mutlak dan menyeluruh dalam semua bidang. Islam memandang keadilan bukanlah berakhir di dunia sahaja, tetapi mempunyai implikasi di akhirat dalam bentuk dosa dan pahala. Hal ini akan mendorong masyarakat berlaku lebih adil atas alasan ini.

Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang mengingatkan manusia supaya berlaku adil seperti dalam Surah an-Nahl dan Surah an-Nisaa'.

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

Surah an-Nahl 16: 90

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Surah an-Nisaa' 4: 58

Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa keadilan adalah tanggungjawab setiap orang untuk melaksanakannya dengan penuh kejujuran. Keadilan itu lahir dan nyata dalam bentuk menentang kemungkaran dan kezaliman. Keadilan juga dapat dilihat apabila seseorang itu dapat menunaikan amanah yang diberikan kepadanya. Keadilan yang dimajukan oleh Islam ialah keadilan sejagat atau keadilan mutlak. Dengan adanya asas keadilan dalam masyarakat, setiap individu akan merasa aman dan tenteram kerana tugas keadilan ialah memberi jaminan dan keselamatan kepada akal, diri, harta benda, agama dan keturunan manusia. Menurut Islam, keadilan hendaklah ditegakkan dalam pembentukan peribadi manusia, masyarakat, negara dan masyarakat antarabangsa.

Tujuan keadilan ialah menolak dan menghindarkan keburukan dan kezaliman daripada seseorang serta membawa dan memberi keadilan dan hak kepada seseorang berdasarkan syariat Islam. Keadilan dalam Islam mencakupi aspek sosial, undang-undang dan ekonomi. Keadilan tercapai apabila ia berjaya memberi setiap orang akan haknya dan dilihat dalam dua bentuk iaitu negatif dan positif. Keadilan dalam bentuk negatif adalah mencegah kezaliman dan menghindarkannya daripada orang yang dizalimi. Bahagian ini termasuklah pencegahan daripada pencerobohan ke atas hak-hak manusia yang berkaitan dengan diri dan harta benda.

Keadilan dalam bentuk positif pula lebih banyak berkaitan dengan pemerintahan dan pelaksanaan ke atas setiap individu untuk memelihara kebebasan dan kehidupan seharian sehingga tidak terdapat seorang tua yang ditinggalkan, orang lemah yang diabaikan, orang fakir yang kelaparan dan orang yang takut diancam. Keadilan yang dituntut oleh Islam ialah keadilan sejagat, bukan setakat memberi keadilan untuk golongan Muslimin

sahaja bahkan kepada seluruh umat manusia termasuklah musuh dalam peperangan. Keadilan dalam Islam tidak mengenal masyarakat dan agama. Ternyata bahawa keadilan Islam adalah untuk semua orang tanpa mengira warna kulit, agama dan keturunan (Abdul Monir, 1986: 77).

Keadilan bermaksud individu, keluarga, kaum, bangsa, etnik yang layak mendapat sesuatu maka ia perlu diberi atau diagihkan mengikut kelayakan, agar amanah yang diberikan itu dapat diurus dengan sempurna. Bagi Sayyid Qutb (1970: 30), terdapat tiga asas keadilan dalam Islam iaitu kebebasan perasaan, hak persamaan yang sempurna sesama manusia dan wujudnya jaminan sosial yang kuat dalam masyarakat. Manakala Muhammad (1987: 43) pula menjelaskan keadilan itu terbahagi kepada tiga juga iaitu keadilan undang-undang, keadilan sosial dan keadilan sejagat. Sebagaimana ditegaskan oleh Sayidina Umar r.a. "Sesiapa sahaja yang menguruskan urusan orang Islam (memimpin), maka dia melantik seseorang menguruskan (sesuatu urusan) kerana hubungan kerabat atau kenal dan sukanya terhadap orang tersebut (bukan kerana kelayakan yang dimiliki) maka sesungguhnya dia telah mengkhianati Allah dan rasulNya" (Ibn Taymiyyah, 1969: 7–8).

Kezaliman merujuk kepada segala bentuk ketidakadilan, eksploitasi, penindasan dan perbuatan yang salah, di mana seseorang akan menyebabkan orang lain dinafikan hak-hak mereka ataupun tidak melaksanakan tanggungjawab kepada mereka. Justeru, peranan melaksanakan keadilan serta berusaha menghapuskan segala bentuk ketidakadilan atau kezaliman merupakan tugas utama para rasul utusan Allah kepada manusia. Malahan dalam al-Quran terdapat lebih daripada 100 ungkapan yang berkaitan dengan sifat keadilan sama ada secara langsung menerusi perkataan *al-adl* atau menerusi perlambangan menerusi perkataan-perkataan seperti *al-qist*, *mizan* dan sebagainya. Dalam masa yang sama, terdapat lebih daripada 200 ungkapan yang berbentuk *al-tarhib* iaitu mengkritik atau mengutuk perbuatan zalim, yang juga digunakan berbagai kalimah seperti *al-zulm*, *al-ithm*, *al-dalal* dan seumpamanya (Majid, 1984: 10).

Keadilan juga bermaksud setiap hukuman perlu dilaksanakan ke atas kesalahan yang dilakukan tanpa mengira sesiapa atau bangsa mana sekalipun tanpa timbulnya semangat untuk mempertahankannya atau berusaha untuk mengelakkan hukuman tersebut semata-mata kerana dari kaum, bangsa, agama atau etnik sendiri. Yang berhak perlu diberi kerana kelayakannya atau yang bersalah perlu dihukum kerana kesalahannya tanpa mempersoalkan dari bangsa, agama atau etnik mana sekalipun. Firman Allah SWT.

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku

adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Surah al-Maaidah 5: 8

Dalam Islam pula, penganut agama selain dari Islam yang dikenali sebagai *Dhimmi* juga mempunyai hak-hak tertentu yang menunjukkan keadilan Islam dan meraikan kepelbagaian agama yang wujud di dunia kerana walaupun aqidah mereka berbeza, terdapat banyak persamaan dari segi etika dan moral khususnya serta kebajikan sesama manusia (Abdul Latif, 1999). Menurut Yusuf (1989: 9) antara hak mereka ialah:

1. Hak perlindungan
2. Penjawat perkhidmatan awam
3. Hak kebebasan beragama
4. Hak kebebasan bekerja
5. Hak undang-undang

Bagi Mat Saad (1999: 86) pula terdapat 13 hak iaitu:

1. Perlindungan diri
2. Perlindungan harta benda
3. Perlindungan maruah/kehormatan diri
4. Perlindungan tempat tinggal
5. Perlindungan ketika lemah, tua dan ketiadaan harta
6. Kebebasan beragama
7. Kebebasan berpindah
8. Kebebasan berkumpul dan mengeluarkan pendapat
9. Hak bekerja dan mencari rezeki.
10. Hak pendidikan.
11. Hak berpolitik.
12. Hak terhadap kemudahan awam dan kehakiman negara.
13. Hak-hak khusus serta lain-lain yang menjadi keperluan mereka dari masa ke semasa.

Sebagai contoh, menurut Syed Abul (1979: 18) pendidikan umum yang dilaksanakan oleh pemerintah Islam adalah harus diterima oleh orang bukan Islam. Namun, mereka bebas untuk menerima atau menolak pendidikan Islam. Mereka juga tidak boleh dihalang atau disekat untuk menjalankan sistem pendidikan mereka sendiri sama ada dari peringkat rendah, menengah atau tertinggi.

Merujuk kepada keadaan di Malaysia, Malaysia adalah sebuah negara yang mana masyarakatnya bersifat majmuk. Kemajmukan ini tentulah akan menimbulkan perbezaan antara etnik dari segi budaya dan agama. Namun, setiap orang diberi kebebasan beragama dan berbudaya. Orang bukan Islam dibenarkan mendirikan rumah ibadat di mana terdapat ramai penganut sesuatu agama. Dalam politik, pemilihan pemimpin ditentukan oleh pilihan raya yang memberi pengiktirafan keadilan kepada rakyat. Dari segi ekonomi, pengenalan dasar-dasar pembangunan negara seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara, Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Kebajikan Negara telah mengambil kira pandangan masyarakat walaupun orang Melayu mendapat kedudukan istimewa seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 153 (Syed Othman, 2007: 45).

Namun, menurut Huang-Thio (1964: 14–15), Perkara 153 iaitu tentang kedudukan istimewa orang Melayu adalah satu peruntukan yang tidak memadai dan tidak begitu memberikan keuntungan kepada sebilangan besar penduduk Melayu. Sebaliknya kesan daripada peruntukan ini hanya menguntungkan orang Melayu yang sudah kaya. Ia juga mewujudkan kelas menengah orang Melayu yang kemudiannya menjadi golongan kapitalis. Hak itu hanya menguntungkan kelas menengah Melayu sahaja, tetapi tidak sampai kepada masyarakat Melayu khususnya yang tinggal di luar bandar yang merupakan jumlah terbesar penduduk Melayu.

Pendapat ini dipersetujui oleh Syed Husin (2008: 120) iaitu amalan ini jika tidak dibendung akan mewujudkan jenjang kelas sosial yang ketara dalam masyarakat. Amalan sedemikian akan menjadikan sebilangan sahaja jutawan Melayu semakin kaya, sedangkan kemunculan sebilangan kecil mereka tidak menyelesaikan masalah besar seperti kemiskinan yang menjadi harapan kebanyakan orang Melayu. Jika ia berlaku, maka matlamat penyusunan semula masyarakat belum berjaya dilaksanakan. Kegagalan menyusun semula masyarakat disebabkan amalan konsep ekonomi bebas yang boleh mewujudkan sebilangan kecil kapitalis Melayu. Situasi ini bertepatan dengan ramalan bahawa walaupun 30% kekayaan sektor syarikat akan dimiliki oleh orang Melayu menjelang 1990, tetapi kebanyakan kekayaan tersebut di tangan segelintir elit Melayu sahaja (Gomez dan Jomo, 1977: 179). Pendapat ini turut dipersetujui oleh Lim (1978: 216–217) yang menjelaskan:

Kami menyokong langkah yang akan dapat membantu orang Melayu yang miskin agar kedudukan mereka bertambah baik. Tetapi kami benar-benar menentang usaha mempergunakan hak istimewa orang Melayu bagi mengayakan orang Melayu yang telah kaya agar mereka menjadi bertambah kaya, sedangkan sebahagian besar petani dan golongan miskin terus tertindas.

Walaupun bagaimanapun, jika diteliti dari segi ekonomi dan kemiskinan, walaupun kadar kemiskinan orang Melayu bertambah baik, tetapi masih ketinggalan daripada etnik bukan Melayu. Sebagai contoh, pada tahun 2004 nisbah pendapatan bumiputera berbanding etnik Cina ialah 1:1.64 serta bumiputera dan India ialah 1:1.27. Dari segi pendapatan isi rumah pada tahun 2004 mengikut etnik pula, Melayu RM2,552, Cina RM4,127 dan India RM3,215. Manakala kadar kemiskinan pada tahun 2004 mengikut etnik pula ialah 8.3% bagi Melayu, 0.6% bagi Cina dan 2.9% bagi India (Unit Perancang Ekonomi, 2006: 349–352). Begitu juga dengan kadar kemiskinan mengikut negeri di mana negeri majoriti Melayu masih tinggi berbanding negeri lain iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis seperti dalam Jadual 1. Jika dibandingkan dengan kemiskinan di kalangan etnik Cina, kadar kemiskinan orang Melayu masih lagi rendah dan kemajuan seterusnya akan dapat mengeluarkan mereka dari kemiskinan (Faaland, Parkinson dan Rais, 2005: 230).

Statistik-statistik tersebut menunjukkan bahawa dalam bidang ekonomi, pencapaian orang Melayu tidak begitu membanggakan. Perkara 153 khususnya dalam bidang perniagaan tidak banyak membantu mengatasi masalah kemiskinan orang Melayu dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk memastikan penguasaan 30% pengagihan kekayaan negara. Ini kerana 75% orang Melayu bergantung hidup kepada pertanian dan perikanan, sedangkan sumbangan pendapatan dari keduanya adalah kecil (Ungku A. Aziz, 1969: 6). Keadaan petani dan nelayan yang menghadapi tekanan hidup iaitu mereka sering berhadapan dengan pelbagai bentuk eksploitasi seperti orang tengah, tuan tanah, ceti dan sebagainya (Amriah, 2007: 20; Syed Husin 2008: 95; Jamaie, 2004: 53; Jomo dan Wong, 2008: 142). Keadaan ini menjadikan orang Melayu hidup dalam keadaan berhutang dan ketinggalan daripada etnik lain.

Walaupun orang Melayu diberi perlindungan dan hak yang istimewa dalam bidang ekonomi, keadaan orang Melayu tidak banyak berubah. Meskipun kini sudah ramai usahawan Melayu yang menjalankan pelbagai perniagaan besar malah sudah lahir jutawan Melayu, tetapi ia tidak menyeluruh. Kejayaan segelintir orang Melayu dalam perniagaan tidak boleh dianggap sebagai mewakili kejayaan orang Melayu keseluruhannya dalam bidang ekonomi. Perizaban permit dan tender perniagaan kepada orang Melayu tertentu hanya menjauhkan lagi jurang perbezaan di antara yang kaya dan miskin.

Sebagai contoh, Jadual 2 menunjukkan peratusan pemilikan kekayaan negara bagi orang Melayu tidak banyak berubah dan gagal mencapai matlamat 30% penguasaan dalam kekayaan negara. Sehingga tahun 2004, pemilikan kekayaan negara oleh orang Melayu hanya berjumlah 18.9% sahaja.

Jadual 1: Peratus kemiskinan mengikut negeri 2004

| Negeri | 2004 |
|--------------|------|
| Selangor | 1.0 |
| Pulau Pinang | 0.3 |
| Johor | 2.0 |
| N. Sembilan | 1.4 |
| Melaka | 1.8 |
| Pahang | 4.0 |
| Perak | 4.9 |
| Perlis | 6.3 |
| Terengganu | 15.4 |
| Kedah | 7.0 |
| Kelantan | 10.6 |

Sumber: Diubahsuai dari Rancangan Malaysia Kesembilan, (Unit Perancang Ekonomi, 2006: 348)

Jadual 2: Peratusan hak milik modal saham (pada nilai tara) syarikat berhad mengikut etnik

| Etnik | 1975 | 1980 | 1985 | 1990 | 1995 | 2000 | 2004 |
|--|------|------|------|------|------|------|------|
| Bumiputera (individu, institusi dan agensi amanah) | 9.2 | 12.5 | 19.1 | 19.2 | 20.6 | 18.9 | 18.9 |
| Cina | 27.2 | t.m | t.m | 33.4 | 45.5 | 38.9 | 39.0 |
| India | t.m | t.m | 1.2 | 1.0 | 1.5 | 1.5 | 1.2 |
| Rakyat asing | 53.3 | 42.9 | 26.0 | 25.4 | 27.7 | 31.3 | 32.5 |
| Syarikat nomini | t.m | t.m | 1.3 | 8.5 | 8.3 | 8.5 | 8.0 |

t.m: Tiada maklumat
Sumber: Gomez (1999: 356)

Dalam pemilikan modal saham mengikut sektor orang Melayu masih lagi ketinggalan berbanding orang bukan Melayu. Hal ini dijelaskan dalam Jadual 3 iaitu tiada satu sektor yang menunjukkan orang Melayu melebihi orang bukan Melayu; cuma dalam sektor pembinaan, matlamat 30% itu telah dicapai.

Perkara yang sama juga berlaku dalam pemilikan bangunan dan premis komersial antara orang Melayu dan bukan Melayu. Hal ini boleh dilihat dalam Jadual 4 di mana secara keseluruhannya, orang Melayu hanya memiliki 11.7% berbanding etnik Cina iaitu 71.9% dan India 4.6%.

Jadual 3: Peratusan hak milik modal saham mengikut sektor dan etnik 2004

| Etnik | A | B | C | D | E | F | G | H | I | J | Jum |
|------------------|------|------|------|-----|------|------|------|------|------|------|------|
| Bumiputera | 16.4 | 12.3 | 8.1 | 6.3 | 35.2 | 20.4 | 26.7 | 12.5 | 18.7 | 24.3 | 18.9 |
| Bukan Bumiputera | 54.0 | 39.8 | 25.0 | 9.2 | 44.0 | 53.3 | 30.6 | 10.5 | 40.9 | 48.6 | 40.6 |

Petunjuk: A: Pertanian, B: Perlombongan, C: Pembuatan, D: Utiliti, E: Pembinaan, F: Perdagangan, borong dan runcit, G: Pengangkutan, H: Kewangan, I: Perkhidmatan, J: Lain-Lain

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan, (Unit Perancang Ekonomi, 2006: 357).

Jadual 4: Peratusan pemilikan bangunan dan premis komersial mengikut etnik 2004

| | Bumiputera | Cina | India | Lain-lain |
|--------------------|------------|------|-------|-----------|
| Bangunan | 12.7 | 72.6 | 5.4 | 9.3 |
| Kompleks pemiagaan | 11.7 | 69.4 | 2.1 | 16.9 |
| Premis industri | 4.8 | 70.4 | 1.5 | 23.3 |
| Hotel | 14.3 | 69.3 | 3.2 | 13.2 |
| Jumlah | 11.7 | 71.9 | 4.6 | 11.8 |

Sumber: Diubahsuai dari Rancangan Malaysia Kesembilan, (Unit Perancang Ekonomi, 2006: 358)

Walaupun orang Melayu mendapat keistimewaan seperti yang termaktub dalam perlembagaan, namun tidak melalui rampasan harta orang bukan Melayu sebaliknya mendapatkannya dari tambahan kepada ekonomi keseluruhan. Begitu juga, pelaksanaan terhadap keistimewaan orang Melayu ini tanpa menjejaskan kedudukan ekonomi, politik dan pendidikan serta politik orang bukan Melayu, malah dalam sektor ekonomi dan pendidikan, mereka lebih baik dari orang Melayu. Kedudukan istimewa orang Melayu juga adalah sesuatu yang telah wujud sebelum merdeka dan dimasukkan kembali apabila perlembagaan digubal. Ia juga adalah persetujuan yang telah dicapai melalui perundingan antara etnik.

KESIMPULAN

Islam menolak sebarang bentuk perbezaan dan ketidakadilan yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain atas dasar jantina, warna kulit, bahasa, keturunan, negara, kedudukan keluarga, orang bukan Islam dan harta. Walaupun Islam memberi kelonggaran dalam penglibatan orang bukan Islam, namun keutamaan tetap diberikan kepada orang Islam. Keistimewaan ini bukanlah satu penganiayaan kepada bukan Islam tetapi untuk menjaga kesucian agama Islam dan keselamatan penganutnya. Hal ini menunjukkan prinsip persamaan dan keadilan dalam Islam telah dilonggarkan untuk memelihara kesucian dan martabat Islam (Wan Hirni Marlina, 2007: 80).

Peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan seperti mewujudkan perbezaan dan diskriminasi antara kaum dan ia seolah-olah bertentangan dengan konsep persamaan dan keadilan dalam Islam. Walau bagaimanapun, peruntukan orang Melayu ini merupakan jaminan bagi orang Melayu untuk sama-sama mencapai kejayaan kerana tanpa dibantu sukar untuk berjaya disebabkan dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh penjajah British. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan seperti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, jelas menunjukkan orang Melayu masih ketinggalan dari segi ekonomi dan pendidikan berbanding etnik lain. Jika diteliti walaupun orang Melayu mendapat kedudukan istimewa, namun pada masa yang sama hak kaum lain dijamin dan tidak boleh dilucutkan.

Selain itu ia adalah persetujuan antara orang Melayu dan bukan Melayu sewaktu menggubal perlembagaan dan bukan keputusan sebelah pihak sahaja. Hal ini ditambah lagi kerana peruntukan tersebut adalah bagi menjamin kedudukan orang Melayu yang bermaksud menjamin kedudukan Islam. Pada masa yang sama orang bukan Melayu lebih berjaya dari segi ekonomi dan pendidikan berbanding orang Melayu. Namun, kedudukan istimewa orang Melayu ini perlu dilaksanakan dengan betul iaitu untuk membantu orang Melayu keluar dari arus kemiskinan tanpa menafikan hak etnik lain. Kedudukan istimewa ini juga perlu dirasai oleh semua orang Melayu dan bukannya segelintir orang Melayu seperti yang dipersepsikan oleh etnik bukan Melayu. Jika ini dilaksanakan, jelaslah ia menepati prinsip keadilan dalam Islam.

Perbincangan di atas menunjukkan orang Melayu mempunyai keistimewaan dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya yang menyentuh mengenai Perkara 153. Maka perkara ini perlu difahami oleh setiap lapisan masyarakat khususnya generasi muda agar sentiasa berlapang dada dalam sesuatu isu yang melibatkan orang Melayu dalam perlembagaan. Ia sepertimana yang pernah dinyatakan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-215 iaitu Islam dan orang Melayu merupakan asas utama pembentukan negara Malaysia (Anon. 2008). Di samping itu, Islam menganjurkan agar menerima perbezaan agama dan etnik sebagai satu yang lumrah dalam manusia seperti Surah al-Baqarah 49: 13, mengelakkan cemuhan budaya, etnik dan agama, bersopan santun dan berbudi. Justeru, sewajarnya rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, perlu saling hormat-menghormati terhadap hak individu dan masyarakat. Fahaman seperti ekstremisme, chauvinisme, fanatisme, etnosentrisme, prejudis, stereotaip dan rasisme hendaklah diketepikan.

RUJUKAN

- Abdul Latif Samian. 2008. Pembelaan hak kumpulan minoriti. In *Islam Hadhari: Pendekatan pembangunan peradaban*, eds. Mahmood Zuhdi Abdul Majid et. al. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- _____. 1999. Ethical perennialism as the moral foundation for Malaysian Society. Paper presented at *The Sixth National Conference of the Australian Association for Professional and the Applied Ethics*, Old Parliament House Canberra, Australia. 6–8 April.
- Abdul Monir Yaacob. 2005. Hak dan tanggungjawab pelbagai kaum dari perspektif syariah. In *Malaysia sebagai sebuah negara Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- _____. 1986. *Hak asasi manusia menurut Islam: Sejarah dan konsepnya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ibn Hambal. t.t. *Musnad*, Jld. 5. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ali Abd. Wahid Wafi. 1976. *Prinsip persamaan Islam*. Trans. Mahmood Zuhdi Abdul Majid. Kota Bharu: Syarikat Mursyid Sdn. Bhd.
- Alias Othman. 1992. *Asas-asas pemikiran politik Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Quran al-Karim. 2006. *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar al-Kitab.
- Amriah Buang. 2007. *Pertanian kecil Melayu dan kelestariannya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. 2008. Jangan sentuh kontrak sosial. *Berita Harian*. 17 October.
- Faaland, J., J. Parkinson and Rais Saniman. 2002. *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan negara dan pencapaian ekonomi orang Melayu*. Petaling Jaya: SPEKTRA.
- Fathi Osman. 1997. *Concepts of the Quran: A topical reading*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Nazri Muslim et al.

- Gomez, E. T. 1999. *Chinese business in Malaysia: Accumulation, accommodation and ascendance*. Richmond Surrey: Curzon.
- Gomez, E. T. and K. S. Jomo. 1997. *Malaysia's political economy: Politics, patronage and profits*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hasan al-Banna. 1403H. *Kepentingan keselamatan dan keamanan dalam Islam*. Trans. Abdullah al-Qari. Kota Bharu: Pustaka ASA.
- Huang-Thio, S. M. 1964. *Constitutional discrimination under the Malaysian constitution*. Malaya Law Review, 6.
- Ibn Taymiyyah. 1969. *Al-Siyasah al-Syar'iyah fi Islah al-Ra'ii wa al-Ra'iyah*. Kaherah: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ismail Ibrahim. 2005. Perhubungan etnik menurut perspektif Islam. Paper presented at Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, Riviera Bay Resort, Melaka 7–11 June.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Islam Hadhari: Satu penjelasan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jamaie Hamid. 2004. *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomo, K. S. and S. N. Wong. 2008. *Law, institutions and Malaysia economy development*. Singapore: NUS Press.
- Khairul Azmi Mohamad. 2003. Kepelbagaian kaum dalam Islam: Hakikat dan tuntutan. Paper presented at Seminar Hak dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum dalam Sebuah Negara Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur. 7–8 May.
- Lim Kit Siang. 1978. *Time bombs in Malaysia*. Kuala Lumpur: Democratic Action Party (DAP).
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1999. Konsep pemerintahan dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah. In *Prinsip-prinsip pemerintahan dalam masyarakat majmuk*, ed. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Majid Khadduri. 1984. *The Islamic conception of justice*. Baltimore: John Hopkins University Press.

- Mat Saad Abd. Rahman. 2000. Kedudukan masyarakat bukan Islam dalam sejarah pemerintahan Islam. In *Pemerintahan Islam dalam masyarakat majmuk*, eds. Abdul Monir Yaacob, Sarina Othman and Wan Roslili Abd. Majid. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- _____. 1999. Kedudukan bukan Islam dalam sejarah pemerintahan Islam. In *Prinsip-prinsip Pemerintahan dalam masyarakat majmuk*, ed. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohammad Hashim Kamali. 2002. *Freedom, equality and justice in Islam*. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Mohd. Ridhuan Tee Abdullah. 1994. Islam dan toleransi. In *Islam dan kemajuan masyarakat*, eds. Nik Mustapha Nik Hassan and Mohd. Ridhuan Tee Abdullah. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Muhammad Abu Zahrah. 1987. *Penyusunan masyarakat dalam Islam*. Trans. Osman Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Mumtaz Ali. 1996. *The Muslim community in Britain: An historical account*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Muhammad Syams al-Haq al-azim Abadi. 1990. *'Aun al-Ma'bud*. Kitab Adab. Jil 14, Juz 14. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Osman Bakar. 2008. Malaysian Islam in the twenty-first century: The promise of a democratic transformation? In *Asian Islam in the 21st Century*, eds. J. L. Esposito, J. O. Voll and Osman Bakar. New York: Oxford University Press.
- Said Hawwa. 2003. *Ar-Rasul Shalallahu 'Alaihi Wa Sallam*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Sayyid Qutb. 1970. *Social justice in Islam*. Trans. J. B. Hardie. New York: Octagon Books.
- Syed Abul A'ala Maududi. 1979. *Rights of non-Muslim in Islamic state*. Lahore: Islamic Publications.
- Syed Husin Ali. 2008. *The Malays: Their problem and future*. Petaling Jaya: The Others Press.

Nazri Muslim et al.

- Syed Othman Alhabshi. 2007. Keadilan sosial dalam negara Islam silam dan hubungannya dengan Malaysia kini. In *Keadilan sosial dari perspektif Islam*, ed. Khairul Azhar Idris. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Tariq Ramadan. 2004. *Western Muslims and the future of Islam*. New York: Oxford University Press.
- Ungku A. Aziz. 1969. *Renchana-renchana ekonomi dan kemiskinan*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu.
- Unit Perancang Ekonomi. 2006. *Rancangan Malaysia kesembilan*. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi.
- Wan Hirni Marlina Wan Mahmood. 2007. Hak istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Satu kajian mengikut perspektif Islam. Master's diss., Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah and Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2007. Beberapa syarat asas dialog agama: Pemerhatian ke atas beberapa ayat kunci al-Quran. In *Konsep asas Islam dan hubungan antara agama*, eds. Wan Suhaimi Wan Abdullah and Mohd Fauzi Hamat. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- Yusuf al-Qaradawi. 1996. *Membangun ummah: Suatu kenyataan bukan khayalan*. Trans. Ahmad Nuryadi Asmawi. Batu Caves: Thinker's Library.
- _____. 1989. *Kedudukan non-Muslim dalam negara Islam*. Trans. Mat Saad Abd. Rahman. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.